



PERSEKUTUAN PENGAKAP MALAYSIA
(THE SCOUTS ASSOCIATION OF MALAYSIA)

Ruj. Kami : PPM-2(285)/2009
Tarikh : 17 Jun 2009

Tuan Haji Ishak bin Mohd Jonid
Pesuruhjaya Pengakap Negeri Selangor
Kem pengakap Rimba Templer
KM 20 Jalan Ipoh-Templer
48000 Rawang Selangor

YBhg Tuan Haji,

PROGRAM MENANAM POKOK BAKAU SEMPENA HARI ALAM SEKITAR

Dengan hormat dan sukacitanya dimaklumkan bahawa World Organization Scout Movement (WOSM) dengan kerjasama United Nation Environment Programme (UNEP) dan Persekutuan Pengakap Malaysia (PPM) akan menjalankan satu program menanam pokok sempena Hari Alam Sekitar Sedunia yang akan diadakan pada tarikh, masa dan tempat seperti berikut:-

Tarikh : 27 Jun 2009
Hari : Sabtu
Masa : 9.00 pagi
Tempat : Pantai Kelanang, Morib


2. Sehubungan itu, PPM memohon jasa baik daripada pihak YBhg Tuan Haji agar dapat memanjangkan perkara ini kepada semua Penolong Pesuruhjaya Negeri, semua Penolong Pesuruhjaya Daerah dan Pemimpin serta Ahli Pengakap Muda, Remaja dari Negeri Tuan Haji untuk sama-sama menjayakan program yang telah dirancang ini. Pihak Tuan Haji juga dipohon untuk membawa peralatan berkebun seperti apa yang difikirkan perlu pada hari tersebut. Sebarang pertanyaan YBhg Tuan Haji bolehlah menghubungi Encik Mohammad Faisal, Pesuruhjaya Ibu Pejabat – Khidmat Masyarakat di talian 019-3338279.

3. Segala kerjasama dan perhatian YBhg Tuan Haji dalam menjayakan program tersebut amatlah dihargai dan didahului dengan ucapan ribuan terima kasih.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA MELALUI KEPENGAKAPAN"

"SATU MALAYSIA"

Yang menjalankan tugas
Persekutuan Pengakap Malaysia,


MOHD ZAKI NURUD-DIN@NORDIN
Ketua Setiausaha Eksekutif

s.k. - YBhg. Dato' Seri Ketua Pengakap Negara

- YBhg. Dato' Ketua Pesuruhjaya Pengakap Negara